



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

PELAN PENGURUSAN RISIKO

INSTITUT AMINUDDIN BAKI

2026

IAB 2026

PENGENALAN

Pelan Pengurusan Risiko IAB juga merupakan satu usaha untuk mengurus risiko secara berkesan dan meyakinkan bagi mencapai kepuasan hati pelanggan. Justeru, Jawatankuasa Pengurusan Risiko IAB ditubuhkan berdasarkan daripada mandat yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU iaitu Kriteria A, perkara 1.6 seperti yang terdapat dalam Penilaian *Star Rating* berkaitan Pelaksanaan Pengurusan Risiko yang bertujuan untuk meningkatkan pengupayaan IAB mengurus risiko secara efektif dan efisien, serta meminimumkan kesan/impak yang boleh menjejaskan pencapaian misi dan visi IAB.

VISI

PUSAT PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN YANG UNGGUL.

MISI

MEMBANGUN

KEUPAYAAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN BAGI MENGHASILKAN ORGANISASI BERKUALITI.

PELAN INDUK KECEMERLANGAN (PIK)



Rajah 1: PIK IAB

Gambaran sinergi tiga bidang keberhasilan utama ini dijemakan melalui enam subbidang seperti dalam Rajah 2. Pelaksanaan Pelan Induk Kecemerlangan IAB ini diharapkan dapat menghasilkan pemimpin pendidikan yang kompeten dan berwibawa.

PIK IAB 2022–2026 ini mengukuhkan tradisi kecemerlangan IAB dalam bidang Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (*Educational Leadership & Management*) melalui tiga Bidang Keberhasilan Utama iaitu Latihan dan Pembangunan, *Master Trainer* dan Pusat Rujukan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 2: Sinergi Bidang Keberhasilan Utama PIK IAB

DEFINISI RISIKO

Risiko ialah kesan ketidakpastian yang bermakna ke atas objektif iaitu suatu kejadian atau peristiwa yang **memberi kesan kepada pencapaian atau objektif** sesebuah organisasi.

(Adaptasi daripada MS ISO 31000:2010 *Risk Management - Principles and Guidelines*)

DEFINISI PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Risiko terdiri daripada rangka kerja dan proses yang membolehkan organisasi mengurus ketidakpastian dengan cara yang sistemik, berkesan, cekap dan sistematik daripada perspektif **strategik**, program, projek dan operasi, serta menyokong peningkatan berterusan.

(Risk Management comprises a framework and process that enable an organization to manage uncertainty in a systemic, effective, efficient and systematic way from strategic, programme, project and operational perspectives, as well as supporting continual improvement)

(BSI British Standard Risk Management - Code of practice BS31100:2008)

OBJEKTIF

Objektif pengurusan risiko adalah seperti yang berikut:

- Memantapkan pengurusan dan pentadbiran IAB.
- Meningkatkan tahap kepuasan serta kepercayaan pelanggan dan *stakeholder*.
- Mewujudkan suasana persekitaran yang selamat dan kondusif.
- Menyediakan satu prosedur operasi standard.
- Menyediakan satu sistem kawalan bersepadu dan berterusan.
- Mengurangkan kos penyelenggaraan yang berulang.

JAWATANKUASA INDUK PENGURUSAN RISIKO IAB

Pengerusi	: Pengarah
Timbalan Pengerusi	: Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Khidmat Profesional)
	: Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Khidmat Latihan)
Setiausaha	: Ketua Pusat PDI
Penolong Setiausaha	: Ketua Jabatan Pengurusan Inovasi dan Kualiti
Ahli Tetap	: Pengarah IAB Cawangan
	Pendaftar
	Semua Ketua Pusat
	Semua Penyelaras IAB Cawangan
	Semua <i>Risk Champion</i>

JAWATANKUASA PELAKSANA PENGURUSAN RISIKO IAB

Pengerusi : Ketua Pusat Pengurusan Dasar dan Inovasi

Timbalan Pengerusi : Ketua Jabatan Pengurusan Inovasi dan Kualiti

Setiausaha : Pelantikan dalam kalangan *Risk Champion*

Risk Champion : Pegawai berkecualan Pelan Pengurusan Risiko (PPR) IAB

Risk Owner : Ketua-Ketua Pusat dan Pengarah-Pengarah Cawangan

TAHAP RISIKO

TAHAP RISIKO	SKALA TAHAP RISIKO	PENERANGAN TAHAP RISIKO
E	13-25	Risiko sangat tinggi, pelan tindakan terperinci diperlukan
T	8-12	Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan atasan Kementerian
S	4-7	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan
R	1-3	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada.

Nota: Had Penerimaan Tahap Risiko IAB

Skala Tahap Risiko	Had Penerimaan
8-25	Tidak Diterima
1-7	Diterima

PELAN PENGURUSAN RISIKO IAB

JADUAL STRATEGI KAWALAN RISIKO IAB

BKU:	1.0 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN		Sub-BKU:		PEMBANGUNAN INDIVIDU	
OB3: KPI1	Memastikan 100% peserta Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan (LCML) mencapai tahap baik dan cemerlang pada tahun 2026				PIC	KJ JAPKP
					PEMILIK	KP PKP
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Tidak mencapai bilangan kursus dan TITL yang telah dirancang (15 kursus) (TINGGI)	Peruntukan kewangan yang terhad yang menghadkan pelaksanaan kursus	PENCEGAHAN: a. Memohon peruntukan tambahan atau dana sokongan b. Penjajaran semula bilangan kursus MITIGASI: TITL berkelompok c. Pengurangan bilangan pensyarah	Laporan kewangan berkala daripada penyelaras setiap cawangan	1. Meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan organisasi 2. Menggalakkan inovasi dalam pengurangan kos 3. Mewujudkan kerjasama strategik dengan penaja baharu 4. Mengukuhkan budaya perbelanjaan berhemah	1. Menetapkan had perbelanjaan mengikut fasa projek 2. Menyediakan pelan tindakan kecemasan kewangan	1. Menilai pencapaian projek berbanding bajet yang diluluskan 2. Mengukur tahap pengurangan varians kos 3. Mendapatkan maklum balas daripada unit kewangan dan pengurusan 4. Menambah baik prosedur bajet untuk program akan datang

BKU:	1.0 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN		Sub-BKU:		PEMBANGUNAN INDIVIDU	
OB3: KPI1	Meningkatkan kompetensi Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) bagi Program Pengupayaan PPD Baharu sebanyak 100%				PIC	KJ JMIP
					PEMILIK	KP PKP
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Pembimbing yang dilantik tidak dapat membuat bimbingan secara bersemuka (TINGGI)	Tidak ada peruntukan untuk tuntutan pergerakan keluar pembimbing	Strategi Pencegahan 1. Memohon peruntukan khas atau mencari sumber pembiayaan alternatif bagi menampung kos pergerakan keluar pembimbing Strategi Mitigasi 2. Menyediakan mekanisme sokongan seperti bahan rujukan digital dan forum perbincangan dalam talian. 3. Mengadakan sesi bimbingan secara dalam talian bagi menggantikan pertemuan fizikal	1. Semakan status permohonan peruntukan (diluluskan/dalam proses/ditolak). 2. Semakan terhadap penggunaan bahan rujukan digital oleh peserta.Pemantauan aktiviti bimbingan melalui platform dalam talian. 3. Maklum balas peserta terhadap keberkesanan bimbingan secara dalam talian.	1. Menjalin jaringan strategik dengan institusi lain atau agensi luar untuk mendapatkan sokongan bimbingan tanpa kos perjalanan tinggi. 2. Meningkatkan akses kepada bahan bimbingan digital yang boleh diakses pada bila-bila masa. 3. Memperkasakan penggunaan teknologi dalam bimbingan (contoh: forum perbincangan, video interaktif). 4. Meningkatkan kecekapan penggunaan teknologi digital dalam kalangan pembimbing dan peserta	1. Mengkaji keperluan pembiayaan dan berbincang dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan sumber dana. 2. Menyediakan bahan rujukan digital, modul bimbingan digital dan platform interaksi dalam talian. 3. Menyediakan jadual sesi bimbingan atas talian secara berkala.	1. Status kelulusan peruntukan untuk melaksanakan bimbingan bersemuka seperti dirancang 2. Maklum balas peserta terhadap kesesuaian, kefahaman dan kualiti interaksi dalam platform akses bahan sokongan 3. Penilaian tahap kepuasan peserta terhadap bimbingan dalam talian. 4. Kajian impak terhadap pencapaian kompetensi peserta selepas bimbingan.

BKU:	1.0 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN		Sub-BKU:	PEMBANGUNAN INDIVIDU		
OB4: KPI1	Memperkasa dan menyebarkan amalan-amalan terbaik kepimpinan instruksional kepada pemimpin Pendidikan (Kuantiti- 4394)			PIC	KJ JKKK	
				PEMILIK	Pengarah CWG UTARA	
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Kegagalan menghasilkan kerangka atau model instruksional bersifat tempatan menyebabkan model tidak mendapat pengiktirafan di peringkat KPM (TINGGI)	Kajian berimpak tinggi berkaitan model memerlukan kepakaran dan juga kerjasama pihak luar dan sumber kewangan	Pencegahan: Mengadakan bengkel khusus melibatkan pakar dalaman dan luaran untuk menyemak item-item dalam instrumen Modul Watan Mitigasi: Melantik konsultan penyelidikan daripada universiti awam untuk memberi perakuan bertulis terhadap instrumen yang digunakan	Jadual perancangan Senarai Semak Laporan	Mendapat peruntukan tambahan. daripada pihak induk melalui inisiatif #112 Kerjasama dengan pihak luar seperti USM.	1. Pembangunan pasukan penyelidik. 1.6.2024 2. Bengkel penyelidikan- 2-4 Julai 2024 3. Bengkel penyelidikan bil.2- 30-31 Oktober 2024	1. Mesyuarat MKSP 2. Mesyuarat MPP

BKU:	1.0 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN		Sub-BKU:		PEMBANGUNAN INDIVIDU	
OB4: KPI1	Memperkasa dan menyebarkan amalan-amalan terbaik kepimpinan instruksional kepada pemimpin Pendidikan (Kuantiti- 4394)				PIC	KJ JKKK
					PEMILIK	Pengarah CWG UTARA
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Ketidakupayaan modul sedia ada atau baharu untuk memenuhi KPI terkini seperti RPM 2026-2035 (TINGGI)	Perubahan mandat dalam iklim pendidikan di Malaysia iaitu RPM 2026-2035, Kurikulum Persekolahan 2027	Pencegahan: Mewajibkan semakan silang dengan draf terkini RPM 2026-2035 dan Kerangka Kurikulum 2027 pada setiap fasa rekabentuk modul Mitigasi: Melakukan analisis jurang apabila mandat baharu diumumkan untuk mengenalpasti bahagian modul yang masih relevan dan yang perlu diganti	Jadual senarai semak berstruktur	1.Menerima peruntukan tambahan daripada pihak induk melalui inisiatif # 2.Menjalankan kerjasama dengan rakan sinergi luar seperti JPN dan UUM	1.Membangunkan pasukan membina modul (Jun) 2. Bengkel pempugaran RPM 2026-2035 dan KP 2027 (Julai 2026) 3. Bengkel pembinaan modul(Ogos 2026) 4. Pembentangan dan kelulusan modul (Mei 2027)	1. Mesyuarat MKSP 2. Mesyuarat MPP

BKU:	1.0 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN		Sub-BKU:	PEMBANGUNAN INDIVIDU		
OB5: KPI1	Meningkatkan kompetensi pemimpin pertengahan di sekolah bagi Program Kepimpinan Pemimpin Muda sebanyak 100%			PIC	KJ JPKK	
				PEMILIK	KP PPP	
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Kursus secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan (TINGGI)	Tiada Peruntukan	1. Mohon peruntukan tambahan untuk pelaksanaan kursus secara bersemuka 2. Menyediakan mekanisme sokongan seperti bahan rujukan digital dan forum secara dalam talian 3. Pelaksanaan kursus secara dalam talian	Dapatan laporan melalui insyst	Meningkatkan akses kepada bahan digital	1. Perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan peruntukan 2. Menyediakan modul secara dalam talian	1. Penilaian tahap kepuasan peserta 2. Kajian terhadap kompetensi peserta 3. Penambahbaikan kaedah kursus secara dalam talian berdasarkan maklum balas peserta

BKU:	1.0 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN		Sub-BKU:		PEMBANGUNAN INDIVIDU	
OB5: KPI1	Meningkatkan kompetensi pemimpin pertengahan di sekolah bagi Program Kepimpinan Pemimpin Muda sebanyak 100%			PIC	KJ JP KK	
				PEMILIK	KP PPP	
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Program Bimbingan tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka (TINGGI)	Tiada Peruntukan	- Mohon peruntukan tambahan untuk pelaksanaan kursus secara bersemuka - Menyediakan mekanisme sokongan seperti bahan rujukan digital dan forum secara dalam talian - Pelaksanaan kursus secara dalam talian	Menyediakan borang pemantauan bimbingan melalui aplikasi <i>Google Form</i>	- Meningkatkan akses kepada bahan digital - Menjalinkan kerjasama dengan institusi lain KPM untuk mendapatkan bantuan bagi melaksanakan program bimbingan tanpa melibatkan kos	- Perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan peruntukan - Menyediakan modul secara dalam talian	- Penilaian tahap kepuasan peserta - Kajian terhadap kompetensi peserta - Penambahbaikan kaedah kursus secara dalam talian berdasarkan maklum balas peserta

BKU:	1.0 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN		Sub-BKU:		PEMBANGUNAN ORGANISASI	
OB1, OB2: KPI1	Meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan sekolah			PIC	KJ JMIP	
				PEMILIK	KP PKPOP	
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Kualiti khidmat konsultasi yang diberikan kepada organisasi selepas selesai FASA Latihan yang ditetapkan (TINGGI)	A. Perubahan Kaedah TITL	Pencegahan 1. Menyediakan latihan kepada kakitangan untuk memastikan pemahaman yang jelas terhadap kaedah TITL yang baru. 2. Mengemas kini SOP dan garis panduan kerja bagi mencerminkan perubahan kaedah. Mitigasi Melaksanakan sesi ujian dan simulasi sebelum penggunaan penuh kaedah baharu untuk mengenal pasti potensi isu awal.	1. Mewujudkan sistem pemantauan berkala bagi menilai keberkesanan perubahan kaedah TITL 2. Menjalankan audit berkala untuk memastikan pematuan terhadap SOP dan kecekapan kaedah baru. 3. Mengumpul maklum balas daripada peserta yang terlibat untuk mengenal pasti sebarang masalah atau keperluan penambahbaikan.	1. Meningkatkan kecekapan operasi dengan kaedah yang lebih sistematik dan kurang risiko kesilapan. 2. Mengurangkan kos operasi melalui penggunaan teknologi atau automasi dalam kaedah baharu. 3. Meningkatkan kualiti output dengan prosedur yang lebih telus	1. Menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengurus peralihan ke kaedah TITL yang baharu. 2. Menyediakan bahan rujukan dan latihan berterusan kepada staf bagi memastikan pemahaman dan kepatuhan. 3. Menjalankan ujian rintis sebelum pelaksanaan penuh untuk mengenal pasti sebarang isu awal.	1. Menilai keberkesanan perubahan melalui data prestasi dan laporan pemantauan. 2. Mengadakan sesi maklum balas secara berkala dengan pihak berkepentingan untuk mengenal pasti ruang penambahbaikan. 3. Melakukan penyesuaian pada kaedah jika terdapat sebarang kekurangan yang memberi impak negatif kepada operasi.

BKU:	1.0 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN		Sub-BKU:		PEMBANGUNAN ORGANISASI	
OB1, OB2: KPI1	Meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan sekolah				PIC	KJ JMIP
					PEMILIK	KP PKPOP
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/KEBERKESANAN
Kualiti khidmat konsultasi yang diberikan kepada organisasi selepas selesai FASA Latihan yang ditetapkan (TINGGI)	B. Kesesuaian tempat serta masa	Pencegahan 1.Melaksanakan kajian awal mengenai kesesuaian lokasi dan waktu sebelum menetapkan sebarang program, aktiviti, atau operasi. 2.Memastikan lokasi dipilih berdasarkan keperluan capaian, kemudahan, keselamatan, dan keselesaan pengguna. Mitigasi 3.Menyediakan jadual yang fleksibel bagi mengurangkan kesan gangguan atau konflik masa dengan aktiviti lain. 4.Menyediakan alternatif lokasi dan waktu sekiranya terdapat perubahan mendadak atau faktor luar kawalan.	1.Mengumpul maklum balas daripada peserta atau pengguna mengenai kesesuaian tempat dan masa yang dipilih. 2.Melakukan pemerhatian dan analisis logistik sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti untuk mengenal pasti sebarang isu. 3. Menyediakan mekanisme aduan atau cadangan bagi penambahbaikan lokasi dan masa pada masa akan datang.	1.Meningkatkan penyertaan dan kepuasan pengguna dengan pemilihan tempat serta masa yang lebih sesuai. 2.Mengoptimumkan penggunaan sumber dan tenaga kerja dengan perancangan lokasi dan waktu yang efektif. 3.Membuka peluang untuk kolaborasi dengan pihak lain yang mungkin memerlukan kemudahan atau waktu yang sama.	1. Melaksanakan penilaian keperluan berdasarkan faktor seperti kemudahan, capaian, keselamatan, dan keselesaan sebelum memilih tempat dan waktu. 2.Menggunakan teknologi seperti sistem tempahan atau perancangan automatik bagi mengelakkan pertindihan dan memastikan kecekapan jadual. 3.Memastikan komunikasi yang jelas dengan semua pihak berkepentingan mengenai sebarang perubahan tempat atau masa yang berlaku.	1.Menilai keberkesanan lokasi dan masa yang dipilih melalui data penyertaan dan maklum balas. 2.Mengadakan sesi kajian semula selepas pelaksanaan untuk mengenal pasti sebarang keperluan penyesuaian pada masa hadapan. 3.Mengemaskini prosedur pemilihan tempat dan masa berdasarkan pengalaman serta pembelajaran daripada pelaksanaan sebelumnya.

BKU:	1.0 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN		Sub-BKU:		PEMBANGUNAN ORGANISASI	
OB1, OB2: KPI1	Meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan sekolah				PIC	KJ JMIP
					PEMILIK	KP PKPOP
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Kualiti khidmat konsultasi yang diberikan kepada organisasi selepas selesai FASA Latihan yang ditetapkan (TINGGI)	C. Peruntukan Kewangan	Pencegahan 1.Menyediakan anggaran bajet terperinci dan realistik sebelum aktiviti diluluskan 2.Melaksanakan semakan silang (cross-check) kos oleh unit kewangan 3.Menyediakan dana rizab (contingency fund) sekurang-kurangnya 10–20% 4. Mendapatkan kelulusan awal sumber kewangan sebelum aktiviti dimulakan 5.Mempelbagaikan sumber pembiayaan Mitigasi 1.Menyusun semula skop projek mengikut keutamaan (prioritization) 2. Mengurangkan kos bukan kritikal 3.Rundingan semula kontrak dengan pembekal 4.Memohon peruntukan tambahan atau dana sokongan 5.Menjadualkan semula pelaksanaan projek	1.Laporan kewangan bulanan / suku tahunan 2.Analisis varians bajet (Budget Variance Analysis) 3.Mesyuarat pemantauan kewangan berkala 4.Audit dalaman program 5. Sistem pemantauan perbelanjaan secara digital	1.Meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan organisasi 2.Menggalakkan inovasi dalam pengurangan kos 3.Mewujudkan kerjasama strategik dengan penaja baharu 4.Memperkenalkan sistem kawalan kewangan yang lebih sistematik 5.Menguatkan budaya perbelanjaan berhemah	1.Melantik pegawai pemantau kewangan projek 2.Menetapkan had perbelanjaan mengikut fasa projek 3.Menyediakan pelan tindakan kecemasan kewangan 4.Mendokumentasikan semua kelulusan dan perubahan bajet 5.Menggunakan sistem perolehan yang telus dan terkawal	1.Menilai pencapaian projek berbanding bajet yang diluluskan 2.Mengukur tahap pengurangan varians kos 3.Menilai keberkesanan dana rizab yang digunakan 4.Mendapatkan maklum balas daripada unit kewangan dan pengurusan 5.Menambah baik prosedur bajet untuk program akan datang

BKU:	3.0 MASTER TRAINER		Sub-BKU:		MASTER TRAINER	
OB2: KPI1	Meningkatkan bilangan kumulatif pensyarah yang pakar dalam bidang latihan dan bimbingan menjadi 30 pensyarah.				PIC	KJ JPMT
					PEMILIK	KP PPPB
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Penarikan diri daripada Program Master Trainer iaitu Certified Master Trainer (CMT) dan Certified Master Coach (CMC) (TINGGI)	Kesediaan untuk ditaksir bagi kedua-dua jenis pensijilan yang berkenaan berada pada tahap yang rendah	Mitigasi: <i>Reduce</i> (Mengurangkan Risiko)	Senarai Semak kemajuan peserta	Pensyarah lain yang berpotensi akan turut berminat untuk ditaksir	Membuat pemakluman secara rasmi melalui memo kepada semua Ketua Pusat dan Pengarah Cawangan supaya calon yang telah dikenal pasti bertindak untuk menjalani pentaksiran	Respon bilangan calon yang berjaya ditaksir
Bilangan kumulatif pensyarah yang masih berkhidmat di IAB dan mempunyai pensijilan CMT dan CMC semakin berkurang (TINGGI)	Pensyarah yang mempunyai pensijilan yang berkenaan bersara wajib/bersara awal/pindah keluar daripada IAB	Mitigasi: <i>Reduce</i> (Mengurangkan Risiko) Bimbingan melalui kursus 4PMT (CMC/CMT)	Senarai Semak kemajuan peserta	Calon boleh membentuk kumpulan sokongan (<i>peer-support</i>) di bawah pembimbing yang sama	Melantik pembimbing dalam kalangan pemegang sijil CMT dan CMC untuk membimbing calon yang berpotensi	Respon bilangan calon yang berjaya ditaksir

BKU:	6.0 PUSAT RUJUKAN		Sub-BKU:	PENGURUSAN PENGETAHUAN		
OB2 KPI 1:	Meningkatkan bilangan bahan terbitan IAB dalam bidang Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan			PIC	KJ JPD	
				PEMILIK	KP PDSP	
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Bahan penerbitan tidak berkualiti (TINGGI)	Kualiti bahan terbitan kurang tepat dan kesahan kandungan bergantung kepada kompetensi pensyarah.	Pencegahan: Pemilihan syarikat percetakan dibuat berdasarkan rekod semasa Memastikan Kemahiran dalam kalangan pensyarah untuk menyemak manuskrip diterima dengan lebih teliti. Mitigasi: Memastikan proses kerja penerbitan mengikut proses ditetapkan.	BK63B	Menghasilkan penerbitan berkualiti tinggi dan berimpak	Sepanjang tahun	Kumpulan pewasit dari luar dilantik selain IAB.

BKU:	7.0 PENGUPAYA		Sub-BKU:		1 – PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	
OB1 KPI 1:	Peratus Pengisian Jawatan di Institut Aminuddin Baki (IAB) pada Tahap 85 Peratus			PIC	UPSM	
				PEMILIK	PENDAFTAR	
INSIDEN RISIKO (TAHAP RISIKO)	PUNCA RISIKO	STRATEGI KAWALAN (PENCEGAHAN / MITIGASI)	KAEDAH PEMANTAUAN	PELUANG	TINDAKAN PELAKSANAAN	KAJIAN SEMULA/ KEBERKESANAN
Permohonan pertukaran keluar Jabatan diluluskan tanpa pengganti serentak (TINGGI)	Permohonan pertukaran atas faktor mendesak dan luar jangka	PENCEGAHAN: Memastikan hanya permohonan yang benar-benar di luar jangka sahaja diluluskan dengan pengganti kemudian MITIGASI: Memastikan persekitaran kerja IAB lebih kondusif dan menyeronokkan bagi mengurangkan permohonan pertukaran keluar jabatan..	Tapisan dan siasatan dijalankan oleh urusetia untuk setiap permohonan pertukaran keluar jabatan	Pengurangan bilangan pertukaran keluar jabatan yang diluluskan tanpa pengganti serentak	- Mewujudkan senarai semak dokumen. - Membuat permohonan semula dalam Rancangan Malaysia (RMK) mengikut <i>Rolling Plan (RP)</i> berikutnya daripada BPPDP	Dilaksanakan dua (2) kali setahun